



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL MANAGEMENAT
KOD KURSUS : DPI2173
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:

BAHAGIAN A (10 Markah)	
BAHAGIAN B (30 Markah)	
BAHAGIAN C (60 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan

Sosialisme	Zakat fitrah
Kapitalisme	Zakat harta
Perancangan kewangan	Biro pengantara kewangan
Riba	Tabaru'
Gharar	Takaful keluarga
Maisir	Wakaf khas
Wakaf Am	Takaful Am

1. Hak milik _____ merupakan hak milik bersama kerana mementingkan kebajikan bersama.
2. Kaedah pasaran sistem _____ adalah pasaran bebas untuk mengeluarkan produk dalam pasaran
3. _____ merupakan satu proses yang dinamik yang memerlukan pemantaun dan penilaian yang berterusan.
4. _____ bermaksud memperolehi sesuatu dengan mudah atau memperolehi keuntungan tanpa usaha
5. _____ ialah ketidak pastian .
6. _____ adalah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan aduan, pertikaian atau tuntutan antara kita dengan penyedia perkhidmatan kewangan
7. Kontrak _____ merupakan derma dan sumbnagn yang disertakan dengan pelaburan
8. _____ merupakan kombinasi perlindungan dan tabungan jangka panjang , biasanya untuk tempoh lebih dari setahun.
9. _____ manfaatnya dikhaskan kepada pihak tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh pesawat.
10. _____ ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

[10 MARKAH]

.BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **ENAM (6)** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Terangkan faedah perancangan kewangan menurut Islam

(5 markah)

SOALAN 2

Jelaskan *prinsip indemniti*

(5 markah)

SOALAN 3

Terangkan secara ringkas :

- i) Penerima wasiat (2.5 markah)
- ii) Harta yang di wasiatkan (2.5 markah)

SOALAN 4

Terangkan apakah kesan jika tidak melaksanakan faraid

(5 markah)

SOALAN 5

Huraikan faedah hibah

(5 markah)

SOALAN 6

Terangkan secara ringkas mengenai sumber baitulmal

(5 markah)

SOALAN 7

Terangkan secara ringkas mengenai syarat wajib zakat pertanian (5 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Puan Fatimah mempunyai cincin, rantai dan gelang emas. Berat ketiga-tiga barang emas tersebut adalah 250 gram. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menetapkan kadar uruf adalah 150 gram emas dan harga semasa adalah RM77.16

Berdasarkan petikan di atas, kirakan:

- a) Berikan definisi zakat emas beserta dalil alquran (5 markah)
- b) Berat emas yang layak di zakat (2 markah)
- c) Zakat yang wajib di bayar (3 markah)

SOALAN 2

- a) Berikan definisi riba (2 markah)
- b) Terangkan **DUA(2)** bahagian riba dan contoh (8 markah)

SOALAN 3

Terangkan **EMPAT (4)** perbezaan zakat fitrah dan zakat harta

SOALAN 4

Terangkan **LIMA (5)** golongan yang berhak terima zakat

(10 markah)

SOALAN 5

- a. Berikan definisi Wasiat (2 markah)
- b. Huraikan **EMPAT (4)** rukun wasiat (8 markah)

SOALAN 6

Terangkan **LIMA (5)** ciri-ciri perbezaan sistem kapitalisme dan sosialisme

(10 markah)

SOALAN 7

Huraikan mengenai :

- a) Wakaf Ahli (4 markah)
- b) Wakaf khairi (6 markah)

[60 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT